



Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2017/2018

Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) merupakan pengiktirafan yang diberikan terhadap karya sastera Melayu pelbagai genre yang memperlihatkan mutu penciptaan yang tinggi. Penilaian akan dibuat terhadap karya sastera yang diterbitkan pada tahun 2017/2018 berdasarkan kategori berikut:

KATEGORI A: BUKU SASTERA DEWASA

Karya perseorangan dalam bentuk buku yang diterbitkan buat kali pertama pada tahun 2017/2018 bagi genre:

- Puisi
- Cerpen
- Novel
- Drama Pentas
- Esei/Kritikan Sastera
- Kajian Sastera
- Biografi/Autobiografi

KATEGORI B: KARYA ECERAN

Karya perseorangan yang disiarkan dalam surat khabar, majalah, jurnal dan buku (antologi) diterbitkan buat kali pertama pada tahun 2017/2018 bagi genre:

- Puisi
- Cerpen
- Drama Pentas
- Esei/Kritikan Sastera
Separa Ilmiah
- Esei/Kritikan Sastera
Makalah Ilmiah
- Cerpen Remaja

KATEGORI C: BUKU SASTERA KANAK- KANAK

Karya perseorangan dalam bentuk buku yang diterbitkan buat kali pertama pada tahun 2017/2018 bagi genre:

- Kumpulan Puisi Kanak-kanak
- Kumpulan Cerpen Kanak-kanak
- Novel Kanak-kanak
- Drama Pentas Kanak-kanak
- Buku Bergambar Kanak-kanak

KATEGORI D: BUKU SASTERA REMAJA

Karya perseorangan dalam bentuk buku yang diterbitkan buat kali pertama pada tahun 2017/2018 bagi genre:

- Kumpulan Puisi Remaja
- Kumpulan Cerpen Remaja
- Novel Remaja
- Drama Pentas Remaja

SYARAT DAN PERATURAN

- Penyertaan terbuka kepada warganegara Malaysia, termasuk yang bermastautin di luar negara.
- Karya yang dicalonkan ialah karya yang dikumpulkan oleh pihak penganjur daripada semua penerbitan bahan bercetak dan karya yang dihantar oleh penerbit atau penulis.
- Karya hendaklah diterbitkan atau disiarkan kali pertama pada tahun 2017/2018 sama ada dalam bentuk buku atau eceran.
- Karya berbentuk buku bagi Kategori A, C dan D hendaklah mempunyai nombor rujukan ISBN, manakala bagi Kategori B (karya eceran) hendaklah mempunyai nombor rujukan ISSN.
- Karya berbentuk buku bagi Kategori A, C dan D hendaklah asli dan dihantar sebanyak enam (6) naskhah untuk setiap judul, manakala bagi karya berbentuk eceran bagi Kategori B hendaklah dihantar dalam bentuk salinan fotokopi daripada naskhah asal. Karya eceran juga boleh dihantar melalui e-mel: hspm@dbp.gov.my.
- Karya sastera yang ditulis dalam bahasa Melayu dan diterbitkan di luar negara pada tahun 2017/2018 juga layak dinilai.
- Pihak penganjur tidak bertanggungjawab atas sebarang kerosakan atau kehilangan karya semasa penghantaran. Bukti penghantaran tidak boleh dijadikan bukti penerimaan penyertaan.
- Keputusan panel penilai adalah muktamad.
- Pihak penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan dan/atau menarik balik hadiah yang telah dimenangi sekiranya didapati penyertaan yang dihantar tidak mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.

Semua penyertaan hendaklah dialamatkan kepada:
Urus Setia Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2017/2018,
Bahagian Promosi dan Pengiktirafan,
Aras 25, Menara DBP,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.

03-2147 9125/9132

hspm@dbp.gov.my

TARIKH TUTUP PENYERTAAN:

7 MEI 2019

KATEGORI A : BUKU SASTERA DEWASA

Karya perseorangan dalam bentuk buku yang diterbitkan kali pertama pada tahun 2017/2018. Dua pertiga daripada karya yang diterbitkan hendaklah dihasilkan dalam tempoh 10 tahun daripada tahun penilaian bagi genre puisi, cerpen, novel, drama pentas, esei dan kritikan sastera, kajian sastera dan biografi/autobiografi.

KATEGORI B : KARYA ECERAN

Karya eceran penulis perseorangan bagi genre cerpen, puisi, esei/kritikan sastera dan cerpen remaja (bacaan golongan remaja peringkat umur 13-18 tahun) yang disiarkan dalam akhbar, majalah, jurnal atau buku (antologi) buat kali pertama pada tahun 2017/2018. Bagi genre drama pentas, skrip drama pentas eceran karya penulis perseorangan yang disiarkan dalam akhbar, majalah, jurnal, buku (antologi) atau yang dipentaskan buat kali pertama pada tahun 2017/2018. Penilaian akan dibuat berdasarkan skrip asal berserta gambar atau bahan promosi pementasan (poster, brosur atau buku cenderamata) sebagai bukti pementasan.

KATEGORI C : BUKU SASTERA KANAK-KANAK

Karya perseorangan dalam bentuk buku atau kumpulan karya bagi bacaan golongan kanak-kanak (peringkat umur bawah 12 tahun) dalam genre novel, puisi, cerpen dan drama pentas, yang terbit buat kali pertama pada tahun 2017/2018.

Karya perseorangan dalam bentuk buku bergambar bagi bacaan golongan kanak-kanak (peringkat umur 7 tahun ke bawah) yang terbit buat kali pertama pada tahun 2017/2018.

KATEGORI D: BUKU SASTERA REMAJA

Karya perseorangan dalam bentuk buku atau kumpulan karya bagi bacaan remaja (peringkat umur 13-18 tahun) dalam genre novel, puisi, cerpen, drama pentas yang terbit buat kali pertama pada tahun 2017/2018.

BORANG PENYERTAAN

Judul Karya:

Penerbit:

Nama Penuh:

No. Kad Pengenalan:

Alamat Surat-menyurat:

.....

No. Tel. (Bimbit):.....

No. Tel. (P):.....

E-mel:

Dengan ini saya mengesahkan bahawa karya yang dikirimkan ini merupakan karya asli saya sendiri dan bersedia mematuhi syarat penyertaan Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2017/2018.

Tandatangan:

.....

Tarikh:

UNTUK KEGUNAAN URUS SETIA

Tarikh terima: